

1 Firma membuat pilihan untuk memaksimumkan

- A kos
- B kepuasan
- C kebajikan
- D keuntungan

2 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan ciri buruh?

- A Bertujuan mencapai pengeluaran yang maksimum
- B Sanggup menanggung risiko dalam aktiviti pengeluaran
- C Menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran
- D Menggabungkan faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan

3 Jadual berikut menunjukkan kombinasi keluaran kilang elektrik Encik Farid.

Kombinasi Keluaran	Televisyen (unit)	Radio (unit)
Q	0	95
R	30	75
S	65	35
T	80	15
U	90	0

Jika kombinasi keluaran berubah dari R ke S, kos lepas yang terlibat ialah

- A 35 unit radio
- B 40 unit radio
- C 65 unit televisyen
- D 80 unit televisyen

4 Pernyataan berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Barang dikeluarkan berdasarkan teknik pengeluaran yang cekap

Apakah masalah asas ekonomi tersebut ?

- A Apa yang hendak dikeluarkan
- B Berapa yang hendak dikeluarkan
- C Bagaimana hendak dikeluarkan
- D Untuk siapa hendak dikeluarkan

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri suatu sistem ekonomi.

- Pengguna bebas membuat pilihan terhadap barangan yang ingin dibeli
- Pengeluar bebas dalam pemilihan faktor pengeluaran tanpa campur tangan kerajaan

Apakah contoh negara yang mengamalkan sistem ekonomi tersebut?

- A Cuba
 B Jepun
 C Britain
 D Amerika Syarikat
- 6 Faktor penentu yang manakah menyebabkan pergerakan titik di sepanjang keluk permintaan yang sama?
- A Citarasa
 B Pendapatan pengguna
 C Harga barang pengganti
 D Perubahan harga barang itu
- 7 Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran bagi suatu barang dalam pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (unit)	Kuantiti Penawaran (unit)
15	120	70
20	80	80
25	50	130
30	30	160

Pernyataan manakah yang betul tentang pasaran barang di atas?

- A Lebih penawaran sebanyak 130 unit pada tingkat harga RM30
 B Wujud lebih permintaan sebanyak 120 unit pada harga RM15
 C Berlakunya keseimbangan pasaran pada tingkat harga RM25
 D Harga cenderung turun pada tingkat harga RM20

- 8 Apabila harga barang A meningkat, kuantiti yang diminta bagi barang B akan menurun. Apakah hubungan antara barang A dan barang B?

A Milo dan Horlicks
 B Mesin pencetak dan Katrij
 C Kasut dan Selipar
 D Kereta dan Motosikal


- 9 Jadual berikut berkaitan dengan permintaan bagi buah durian.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kilogram)
16	X
20	60

Sekiranya harga jatuh dari RM20 ke RM16 dan nilai keanjalan harga permintaan ialah 1.5, berapakah nilai X?

A 55 kilogram
 B 65 kilogram
 C 72 kilogram
 D 78 kilogram

- 10 Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran tayar.



Apakah faktor yang menyebabkan berlaku peralihan keluk tersebut?

A Harga getah yang meningkat
 B Dasar kerajaan memberi subsidi
 C Tingkat teknologi yang semakin canggih
 D Matlamat pengeluar ingin mencapai jualan yang maksimum

- 11 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan kelebihan overdraft?

A Dikenakan faedah yang rendah
 B Boleh mengeluarkan wang tanpa had
 C Digunakan oleh peniaga yang menghadapi masalah aliran tunai
 D Pendeposit di bank perdagangan layak ditawarkan kemudahan ini

- 12 Situasi yang manakah menerangkan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai ?
- A Encik Khairi membayar RM9 000 sebagai wang pendahuluan untuk membeli kereta baharu.
 - B Encik Ariff Ali membayar RM350 setiap bulan untuk ansuran motosikalnya selama 3 tahun
 - C Puan Zianaton membeli rantai emas pada harga diskaun 65% sempena jualan murah bulan Syawal oleh Sarah Jewel Sdn. Bhd.
 - D Encik Hakimi mengunjungi lebih daripada tiga gerai komputer riba untuk membandingkan harga komputer riba sebelum membelinya.

- 13 Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan individu

$\text{Pendapatan Individu} = \text{Upah} + \text{Sewa} + \text{Faedah} + \text{Dividen} + \text{X} + \text{Bayaran Pindahan}$
--

Situasi manakah yang menerangkan X ?

- A Cik Batrisyia memenangi baucer buku daripada Kedai Buku Bijak bernilai RM120
 - B Puan Hanani menerima RM3 300 atas penggunaan satu lot bangunan kedai miliknya
 - C Puan Bazlin memperoleh RM400 sebulan atas jualan kerepek popia simpulnya
 - D Puan Aqmal mendapat RM1 950 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera
- 14 Pilih pernyataan yang betul tentang fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan.
- A Mencetak wang negara
 - B Menjaga rizab berkanun
 - C Mengurus hutang negara
 - D Menjadi sumber pinjaman terakhir
- 15 Kelebihan pemegang akaun simpanan tetap ialah
- A menerima faedah yang tinggi
 - B diberi kemudahan menggunakan cek
 - C dapat mengeluarkan wang bila-bila masa
 - D Pemindahan wang melalui perbankan internet

16 Contoh yang manakah merupakan kos berubah ?

- A Sewa kilang
- B Upah pekerja
- C Pembelian mesin
- D Premium insurans kilang

17 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan dan potongan wajib Encik Othman pada tahun 2021.

Butiran	RM
Gaji	18 000.00
KWSP	11%
Insurans nyawa	400.00
Cukai pendapatan	150.00
Zakat	180.00

Berapakah pendapatan boleh guna Encik Othman?

- A RM15 190
- B RM15 290
- C RM15 690
- D RM17 270

18 Jadual di bawah menunjukkan kos yang ditanggung oleh Firma Hafeez.

Jumlah output (unit)	Kos Tetap (unit)	Kos Berubah (unit)
5	10	20
10	10	40
15	10	55
20	10	65

Berapakah kos purata apabila jumlah output ialah 15 ?

- A 2.0
- B 3.0
- C 3.7
- D 4.3

- 19 Jadual berikut menunjukkan maklumat kos pengeluaran bagi Firma Zizi.

Butiran	RM
Upah pekerja	6 400.00
Bil utiliti	3 200.00
Sewa Kedai	2 300.00

Firma Zizi menjual 900 pasang kasut dengan harga RM 55 sepasang. Berapakah jumlah untung yang diperoleh oleh firma tersebut?

- A RM33 500
 B RM37 600
 C RM39 900
 D RM40 800
- 20 Antara berikut, faktor yang manakah meningkatkan produktiviti sebuah organisasi.
- I Persekitaran kerja yang terbatas
 II Proses membuat keputusan terbatas
 III Pekerja yang mahir dan berkebolehan
 IV Prosedur kerja yang ringkas dan fleksibel
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV
- 21 Pernyataan yang manakah merupakan faedah sampingan kepada kakitangan awam.
- A Menerima bonus yang lumayan pada akhir tahun
 B Menikmati rawatan perubatan di klinik panel
 C Mendapat elaun tambahan kerja lebih masa
 D Kemudahan pinjaman perumahan

- 22 Gambar di bawah berkaitan dengan syarikat monopoli semulajadi.



Pernyataan yang manakah betul?

- A Tiada sekatan kebebasan firma keluar masuk pasaran
 - B Firma lain boleh mengeluarkan keluaran yang sama
 - C Kerajaan sebagai penentu harga barang di pasaran
 - D Memerlukan kos modal yang rendah
- 23 Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan inflasi?
- A Penggunaan dasar fiskal mengembang untuk mengatasi masalah inflasi
 - B Penjualan surat jaminan kerajaan dapat mengawal inflasi dalam negara
 - C Proses kejatuhan nilai wang adalah faktor kepada inflasi tarikan permintaan
 - D Penurunan harga faktor di luar negara menyebabkan berlakunya inflasi tolakan kos
- 24 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?
- A Berlaku akibat kelembapan ekonomi
 - B Kurang maklumat tentang pasaran pekerjaan
 - C Meletakkan jawatan untuk mencari pekerjaan lain
 - D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran khusus
- 25 Tindakan manakah yang dapat mengawal inflasi?

	Alat Dasar Ekonomi	Tindakan
A	Dasar Fiskal Mengembang	Menurunkan kadar cukai
B	Dasar Fiskal Menguncup	Menurunkan permintaan agregat
C	Dasar Kewangan Mengembang	Menurunkan nisbah rizab berkanun
D	Dasar Kewangan Menguncup	Melonggarkan syarat sewa beli

- 26 Pernyataan yang manakah betul tentang perbelanjaan mengurus kerajaan?
- A Cadangan pembinaan hospital baharu di daerah Kubang Pasu
 - B Kelulusan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra
 - C Peningkatan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) kepada golongan sasaran
 - D Penjajaran semula projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ke laluan asal
- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan cukai langsung.

Anis membeli sebidang tanah pertanian di Kuala Krai

Berdasarkan situasi di atas, apakah cukai langsung yang terlibat?

- A Duti eksais
 - B Cukai tanah
 - C Cukai keuntungan hartanah
 - D Cukai barang dan perkhidmatan
- 28 Maklumat berikut merujuk kepada satu masalah ketidakstabilan ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 peratus pada Julai 2022 berbanding 122.5 peratus pada bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan harga makanan.

Sumber : Berita Harian, 29 Ogos 2022.

Antara yang berikut, tindakan manakah dapat mengatasi masalah tersebut?

- I. Kadar faedah pinjaman diturunkan
 - II. Menurunkan nisbah rizab berkanun
 - III. Memendekkan tempoh bayaran balik pinjaman
 - IV. Menjual surat jaminan kerajaan kepada orang ramai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 29 Bagaimanakah kerajaan menggalakkan globalisasi?
- A Pengecualian visa untuk pelancong negara tertentu
 - B Pelupusan duti import untuk semua barang import
 - C Pekerja asing di Malaysia diberi pengecualian levi
 - D Duti setem untuk rakyat asing yang membeli hartanah di Malaysia dihapuskan
- 30 Maklumat berikut merupakan bantuan yang disalurkan oleh kerajaan.



Antara berikut, yang manakah kesan positif daripada bantuan tersebut?

- I Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
 - II Meningkatkan pembentukan modal negara
 - III Meringankan beban kewangan masyarakat
 - IV Membeli barang-barang keperluan isi rumah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 31 Imbangan dagangan cenderung menjadi lebihan disebabkan oleh peningkatan
- A Eksport ke luar negara
 - B Rakyat Malaysia melancong ke luar negara
 - C Penggunaan syarikat penerbangan milik asing

- D Perkhidmatan insurans asing kepada rakyat Malaysia
- 32 Pernyataan yang manakah menerangkan ciri syarikat multinasional?
- A Dimiliki oleh kerajaan sesebuah negara
 B Pemindahan teknologi canggih antara cawangan di negara berbeza
 C Firma yang mempunyai cawangan di dalam sebuah negara
 D Tiada campur tangan firma induk dalam pengurusan cawangan
- 33 Syarikat Mercu Jaya dari Malaysia telah membeli sebuah mesin kilang yang berharga USD 5740 dari Amerika Syarikat. Kadar pertukaran asing adalah seperti berikut:

Unit	Mata Wang	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1	USD	4.50	4.58

- Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang diperlukan untuk pembayaran tersebut?
- A RM 25 830.00
 B RM 26 289.20
 C RM 30 532.60
 D RM 30 715.00
- 34 Situasi yang manakah betul berkaitan import tak nampak?
- A Penghantaran pelajar ke Jepun
 B Membeli barang modal dari Amerika
 C Pelancong dari Timur Tengah meningkat
 D Penggunaan susu segar dari New Zealand
- 35 Antara berikut, yang manakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa terhadap negara?
- I Peningkatan pelaburan asing
 II Meningkatkan peluang pekerjaan
 III Menambah aliran wang ke luar negara
 IV Membolehkan industri muda berkembang dan bersaing
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

Pilihan jawapan bagi Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 36 I Barang kehendak diperlukan untuk meneruskan kehidupan.
II Isi rumah merupakan unit ekonomi bermotifkan keuntungan.
- 37 I Apabila harga ayam naik menyebabkan permintaan terhadap daging akan naik kerana keduanya merupakan barang pengganti.
II Hubungan harga dengan kuantiti diminta adalah positif
- 38 I Kemudahan menggunakan cek di beri kepada pemegang akaun simpanan.
II Draf Bank digunakan sebagai pembayaran dalam urus niaga atas arahan daripada pihak bank.
- 39 I Belanjawan lebih digunakan semasa negara mengalami masalah kemelesetan ekonomi.
II Masalah lebih stok barangan berlaku semasa kemelesetan ekonomi.
- 40 I Barang pengguna diimport untuk kegunaan pengguna akhir.
II Import barang Nampak ialah barang nyata yang dibeli oleh rakyat asing daripada Malaysia.

- KERTAS SOALAN TAMAT -